



## JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020

**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN DAN ARAHAN PEPERIKSAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
2020**

**BAHAGIAN A  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN) - ARAHAN AM**

Pihak JPN hendaklah:

1. memaklumkan kepada sekolah untuk memuat turun Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2020 dari portal rasmi Lembaga Peperiksaan ([lp.moe.gov.my](http://lp.moe.gov.my)).
2. mencetak dan mengedarkan Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2020 kepada semua calon persendirian.
3. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2020 sebelum peperiksaan.
4. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas peperiksaan yang ditawarkan pada tahun semasa.
5. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis dan buku Panduan Pengurusan Peperiksaan yang sedang berkuat kuasa.

**BAHAGIAN B  
PENGETUA - ARAHAN AM**

Pengetua hendaklah:

1. mengedarkan Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2020 kepada semua calon sekolah.
2. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2020 sebelum peperiksaan.
3. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab Kertas Peperiksaan yang ditawarkan di sekolah pada tahun semasa.
4. memastikan calon tidak membawa masuk bahan-bahan terlarang seperti yang termaktub dalam Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan.
5. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis yang sedang berkuat kuasa.

## **BAHAGIAN C**

### **KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN - ARAHAN AM**

Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah:

1. memastikan semua Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2020 dimaklumkan kepada calon.
2. meminta semua calon untuk memeriksa dan memastikan calon tidak membawa masuk bahan-bahan terlarang seperti yang termaktub dalam Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan.
3. mencatatkan pada papan tulis dan memaklumkan kepada calon butiran kod kertas, nama kertas, waktu, masa peperiksaan dan *errata* (jika ada) bagi kertas peperiksaan.
4. membenarkan kalkulator dibawa masuk ke dewan/bilik peperiksaan.
5. mengedarkan kertas peperiksaan mengikut tarikh dan waktu yang tercatat dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2020.
6. mengedarkan kertas peperiksaan dengan muka hadapan kertas peperiksaan di sebelah atas.
7. mengarahkan calon supaya menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
8. mengedarkan kertas jawapan mengikut keperluan mata pelajaran seperti yang tercatat pada muka hadapan kertas peperiksaan.
9. memastikan calon mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor sebagai bukti calon tidak dapat menduduki mana-mana kertas peperiksaan.
10. memastikan bilangan skrip jawapan peperiksaan yang dikumpul dan dicatat pada borang **LP/Am 29** akur dengan bilangan calon dalam **Buku Rekod Pengawasan Peperiksaan (BRP)** **LP/Am 25** bagi sesuatu kertas peperiksaan.
11. menyediakan laporan menggunakan Borang LP/Am 30 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan pada Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan.
12. memastikan calon mengisi Borang LP/Am 31 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan pada Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan.
13. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis yang sedang berkuat kuasa.

## **BAHAGIAN D CALON - ARAHAN, AMARAN, LARANGAN DAN PERINGATAN**

### **1. ARAHAN AM**

- 1.1 Calon **wajib** menduduki semua kertas peperiksaan bagi mata pelajaran yang didaftar. Calon yang tidak dapat menduduki mana-mana kertas peperiksaan bertulis atau melaksanakan ujian lisan khusus calon persendirian akan dianggap **TIDAK HADIR** bagi mata pelajaran berkenaan. Calon yang tidak dapat menduduki atau tidak hadir sesuatu kertas peperiksaan dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor atau surat kebenaran khas Pengarah Peperiksaan. Dokumen sokongan ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan sebelum tamat tempoh peperiksaan SPM 2020.
- 1.2 Calon hendaklah menyemak butiran pada **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** sebelum peperiksaan. Calon hendaklah memaklumkan kepada pihak JPN sekiranya terdapat kesilapan maklumat dan mengisi Borang Pembetulan Maklumat Calon. Calon dikenakan bayaran **RM30.00**. Pembayaran hendaklah dibuat kepada pihak JPN atas nama Akauntan Negara Malaysia menggunakan Kiriman Wang/Wang Pos.
- 1.3 Calon hendaklah mengemukakan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** kepada Ketua Pengawas Peperiksaan di pusat peperiksaan selain dari pusat peperiksaan asal calon. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah menyemak maklumat calon dan maklumat mata pelajaran sebelum membenarkan calon menumpang di pusat peperiksaan seliaannya.
- 1.4 Calon hendaklah membaca Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2020 dan menandatangani Borang Pengakuan Calon.

### **2. ARAHAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN**

- 2.1 Calon hendaklah berada di tempat duduk di dalam dewan/bilik peperiksaan **15 minit** sebelum peperiksaan dimulakan.
- 2.2 Calon hendaklah meletakkan **Kad Pengenalan** atau **Dokumen Pengenalan Diri** atau **Borang Pengenalan Diri Calon (LP/Am 118)** atau **Surat Perakuan Pengenalan Diri** di penjuru kanan sebelah label meja sepanjang waktu peperiksaan. Calon dilarang menduduki peperiksaan tanpa dokumen berkenaan.
- 2.3 Calon dibenarkan menduduki peperiksaan atas budi bicara Ketua Pengawas Peperiksaan sekiranya tiba **30 minit selepas peperiksaan dimulakan**. Calon mesti mengemukakan alasan yang kukuh. Masa gantian tidak akan diberikan.
- 2.4 Calon boleh membuat bantahan sekiranya telah mendaftar untuk menduduki sesuatu mata pelajaran dalam tempoh pendaftaran tetapi kod kertas peperiksaan tersebut tidak tercatat dalam mana-mana dokumen rujukan calon. Calon hendaklah mengemukakan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** dari Lembaga Peperiksaan yang mengandungi **kod kertas, nama kertas dan jenis peperiksaan SPM 2020** sebagai bukti pendaftaran. Calon tidak dikenakan bayaran. Lembaga Peperiksaan berhak untuk tidak mengeluarkan keputusan calon sekiranya tiada bukti pendaftaran telah dilaksanakan.

### **3. ARAHAN TENTANG KERTAS PEPERIKSAAN**

Calon hendaklah:

- 3.1 menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
- 3.2 memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas peperiksaan yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 3.3 **membaca** dan **mematuhi semua arahan** pada muka hadapan dan muka belakang (jika ada) kertas peperiksaan sebelum peperiksaan dimulakan.

### **4. ARAHAN TENTANG KERTAS JAWAPAN DAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN**

Calon hendaklah:

- 4.1 menulis **Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri** dan **Angka Giliran** dengan jelas dan betul pada muka hadapan skrip jawapan peperiksaan.
- 4.2 menulis **Angka Giliran**, **Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Nama Kertas, Kod Kertas** dan **Nombor Soalan** dengan jelas dan betul pada muka hadapan Helaian Tambahan (HT).
- 4.3 menyemak label butiran maklumat diri dan peperiksaan pada muka hadapan skrip jawapan peperiksaan.
- 4.4 menulis jawapan pada ruangan yang dibenarkan dengan menggunakan pena mata bola berdakwat hitam atau biru. Pensel atau pena mata bola berdakwat selain hitam atau biru boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta.
- 4.5 menulis semua jawapan dalam Bahasa Melayu kecuali bagi kertas peperiksaan yang membenarkan atau memerlukan calon menjawab dalam bahasa lain.
- 4.6 menulis dengan jelas nombor soalan pada kertas jawapan seperti yang tertera pada kertas peperiksaan. Calon tidak perlu menyalin soalan.
- 4.7 memastikan **Angka Giliran**, **Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Nama Kertas, Kod Kertas** dan **Nombor Soalan** telah ditulis dengan betul pada ruangan yang disediakan pada kertas peperiksaan dan kertas jawapan seperti Buku Jawapan (BJ) dan HT apabila diarah berhenti menulis.
- 4.8 memastikan setiap HT disusun mengikut urutan nombor soalan sebelum diikat bersama kertas peperiksaan atau BJ.
- 4.9 berada di tempat duduk yang ditetapkan semasa skrip jawapan peperiksaan dikumpul semula oleh Pengawas.

## **5. ARAHAN TENTANG JAWAPAN OBJEKTIF BERMAKLUMAT (JOB) DAN JAWAPAN OBJEKTIF TIDAK BERMAKLUMAT (JOTB)**

- 5.1 Calon yang menerima kertas JOB hendaklah menyemak **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Kod Kertas** dan **Nama Kertas** pada kertas JOB berkenaan. Calon **dilarang** membuat sebarang pindaan terhadap maklumat yang telah dicetak pada Bahagian A. Kosongkan Bahagian B dan Bahagian C.
- 5.2 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas JOB yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 5.3 Calon yang menerima kertas JOTB hendaklah melengkapkan **Nama Calon, Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan** atau **Nombor Pengenalan Diri, Kod Kertas** dan **Nama Kertas** pada ruangan yang disediakan dan hitamkan ruang yang berkenaan. Kosongkan Bahagian B dan Bahagian C.
- 5.4 Calon hendaklah menanda ruangan **BAHASA DIGUNAKAN** untuk menjawab kertas peperiksaan yang berkenaan.
- 5.5 Calon hendaklah menggunakan pensel 2B atau BB sahaja.
- 5.6 Calon hendaklah memastikan ruang jawapan yang dihitamkan memenuhi keseluruhan ruang.
- 5.7 Calon hendaklah menggunakan getah pemadam jenis lembut sahaja untuk memadamkan hingga bersih tanda jawapan yang tidak dikehendaki. Calon dilarang menggunakan pemadam jenis cecair, kimia, pelekat atau seumpamanya.
- 5.8 Calon dilarang melipat, menggulung atau merenyuk Kertas JOB dan JOTB.
- 5.9 Calon dilarang membuat lubang atau apa-apa tanda yang tidak dikehendaki pada Kertas JOB dan JOTB.

## **6. AMARAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN**

Calon tidak dibenarkan:

- 6.1 melipat atau merenyuk kertas jawapan sama ada yang belum atau pun yang telah digunakan.
- 6.2 keluar dari dewan/bilik peperiksaan 30 minit pertama peperiksaan dimulakan dan 10 minit terakhir sebelum peperiksaan ditamatkan kecuali dengan kebenaran Ketua Pengawas Peperiksaan.
- 6.3 membawa keluar dari dewan/bilik peperiksaan kertas peperiksaan sebelum peperiksaan tamat.
- 6.4 mengganggu ketenteraman di dalam atau berhampiran dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
- 6.5 memakai pakaian yang tidak sopan dan mencolok mata.
- 6.6 merokok di dalam dewan/bilik peperiksaan.

## **7. LARANGAN DI DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN**

Calon dilarang:

- 7.1 membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Peperiksaan, Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan, telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam dewan/bilik peperiksaan kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
- 7.2 menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di dewan/bilik peperiksaan.
- 7.3 mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
- 7.4 memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
- 7.5 menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
- 7.6 menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
- 7.7 menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
- 7.8 membuat rujukan di luar dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
- 7.9 membawa kertas peperiksaan keluar dari dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
- 7.10 membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan sama ada yang belum atau pun yang telah digunakan keluar dari dewan/bilik peperiksaan.
- 7.11 membawa kertas peperiksaan tertutup keluar dari dewan/bilik peperiksaan.

## **8. PERINGATAN**

Calon yang melanggar sebarang peraturan peperiksaan dalam Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Dewan/Bilik Peperiksaan dianggap salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertiannya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut: -

- i. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
- ii. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
- iii. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisyiharkan terbatal.

**BAHAGIAN E**  
**ARAHAN KHAS**

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
1103/3 Bahasa Melayu <i>Kertas 3</i> 1119/3 Bahasa Inggeris <i>Kertas 3</i> 6351/3 Bahasa Cina <i>Kertas 3</i> 6354/3 Bahasa Tamil <i>Kertas 3</i>	<p>Ujian Lisan Khusus Calon Persendirian (ULKCP)</p> <p>1. Calon persendirian wajib melaksanakan ULKCP sekiranya calon termasuk dalam satu daripada kategori yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1.1 Calon persendirian yang <b>pertama kali mendaftar</b> peperiksaan SPM; <b>atau</b></li> <li>1.2 Calon persendirian yang <b>mengulang selepas tempoh 3 tahun</b> dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM/SPMU; <b>atau</b></li> <li>1.3 Calon persendirian yang <b>mengulang dalam tempoh 3 tahun</b> dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM dan mendapat keputusan <b>G (GAGAL)</b> atau <b>T (TIDAK HADIR)</b>.</li> </ul> <p>2. Calon persendirian <b>tidak wajib</b> melaksanakan ULKCP sekiranya calon <b>mengulang dalam tempoh 3 tahun</b> dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM/SPMU dan <b>LULUS</b> Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris/Bahasa Cina/Bahasa Tamil.</p>
2361/3 Bahasa Arab <i>Kertas 3</i> 5227/2 Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah <i>Kertas 2</i>	<p>Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS)</p> <p>1. Calon persendirian wajib melaksanakan PLBS sekiranya calon termasuk dalam satu daripada kategori yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1.1 Calon persendirian yang <b>pertama kali mendaftar</b> peperiksaan SPM; <b>atau</b></li> <li>1.2 Calon persendirian yang <b>mengulang selepas tempoh 3 tahun</b> dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM/SPMU; <b>atau</b></li> <li>1.3 Calon persendirian yang <b>mengulang dalam tempoh 3 tahun</b> dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM dan mendapat keputusan <b>G (GAGAL)</b> atau <b>T (TIDAK HADIR)</b>.</li> </ul> <p>2. Calon persendirian <b>tidak wajib</b> melaksanakan PLBS sekiranya calon <b>mengulang dalam tempoh tiga tahun</b> dari tarikh akhir menduduki peperiksaan SPM dan <b>LULUS</b> Bahasa Arab/ Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah.</p>

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS		ARAHAN KHAS
2280/2	Geografi <i>Kertas 2</i>	Stensil peta tidak boleh digunakan.
<b>Kertas Peperiksaan Tertutup</b>		Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah menyerahkan <b>baki</b> Kertas Peperiksaan 1225/1 Pendidikan Moral Kertas 1 kepada Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri.
1225/1	Pendidikan Moral <i>Kertas 1</i>	Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mengumpul semula Kertas Peperiksaan 2611/1 Pendidikan Seni Visual – Teori Seni Kertas 1 dan 4572/1 Sains Sukan Kertas 1 selepas tamat waktu peperiksaan mata pelajaran berkenaan dan menyerahkannya kepada Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri.
2611/1	Pendidikan Seni Visual – Teori Seni <i>Kertas 1</i>	
4572/1	Sains Sukan <i>Kertas 1</i>	
2611/2	Pendidikan Seni Visual – Seni Halus <i>Kertas 2</i>	Calon hendaklah menggunakan kertas lukisan yang dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan sahaja. Calon yang mengambil kertas 2611/2 Pendidikan Seni Visual – Seni Halus Kertas 2, hendaklah mengambil Kertas Peperiksaan daripada Ketua Pengawas Peperiksaan pada <b>6 Januari 2021 (Rabu)</b> .
3759/1	Lukisan Kejuruteraan <i>Kertas 1</i>	Calon hendaklah membawa semua alat lukisan kejuruteraan yang diperlukan seperti Sesiku T, Pembaris Skala, Papan Lukisan A3 (297 mm x 420 mm) dan alat-alat lukisan.
3771/1	Grafik Komunikasi Teknikal <i>Kertas 1</i>	
3763/1	Reka Cipta <i>Kertas 1</i>	Calon hendaklah membawa sendiri peralatan melukis dan peralatan mewarna.
7102/1	Membuat Perabot <i>Kertas 1</i>	Calon hendaklah membawa sendiri alat melukis dan pensel warna.
7204/1	Penjagaan Muka dan Dandanan Rambut <i>Kertas 1</i>	Calon hendaklah membawa sendiri pensel warna dan <i>make-up kit</i> .
7301/1	Landskap dan Nurseri <i>Kertas 1</i>	Calon hendaklah membawa sendiri peralatan melukis pelan dan peralatan mewarna.
7303/1	Tanaman Makanan <i>Kertas 1</i>	

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
1249/3 Sejarah <i>Kertas 3</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Calon hendaklah memuat turun tema umum Sejarah 1249/3 dari portal rasmi Lembaga Peperiksaan 6 minggu sebelum tarikh peperiksaan.</li> <li>2. Calon boleh membuat rujukan daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan tema umum sebagai persediaan untuk menjawab tugas spesifik yang akan diberi pada hari peperiksaan. Sumber rujukan boleh diperoleh daripada buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota, majalah, keratan akhbar, internet dan sumber-sumber lain yang berkaitan.</li> <li>3. Calon hanya dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis, bahan fotostat dan bahan bercetak yang berkaitan sahaja ke dalam dewan/bilik peperiksaan pada hari peperiksaan. Dokumen tersebut tidak boleh dikongsi bersama calon-calon lain semasa peperiksaan bertulis dilaksanakan. Penggunaan bahan rujukan hendaklah tidak mengganggu calon lain.</li> <li>4. Calon tidak dibenarkan sama sekali membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan/bilik peperiksaan.</li> </ol>

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
3756/4 Prinsip Perakaunan <i>Kertas 4</i> 3766/4 Perniagaan <i>Kertas 4</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Calon persendirian yang mendaftar bagi mata pelajaran 3756 Prinsip Perakaunan dan 3766 Perniagaan <b>wajib menduduki</b> Kertas Peperiksaan 3756/4 Prinsip Perakaunan Kertas 4 dan 3766/4 Perniagaan Kertas 4.</li> </ol>

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
3729/1 Pertanian <i>Kertas 1</i> 7101/1 Pembinaan Domestik <i>Kertas 1</i> 7103/1 Kerja Paip Domestik <i>Kertas 1</i> 7104/1 Pendawaian Domestik <i>Kertas 1</i> 7105/1 Kimpalan Arka dan Gas <i>Kertas 1</i> 7106/1 Menservis Automobil <i>Kertas 1</i> 7107/1 Menservis Motosikal <i>Kertas 1</i> 7108/1 Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara <i>Kertas 1</i> 7109/1 Menservis Peralatan Elektrik Domestik <i>Kertas 1</i> 7201/1 Rekaan dan Jahitan Pakaian <i>Kertas 1</i> 7202/1 Katering dan Penyajian <i>Kertas 1</i> 7203/1 Pemprosesan Makanan <i>Kertas 1</i> 7205/1 Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak <i>Kertas 1</i> 7206/1 Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik <i>Kertas 1</i> 7302/1 Akuakultur dan Haiwan Rekreasi <i>Kertas 1</i> 7401/1 Seni Reka Tanda <i>Kertas 1</i> 7402/1 Hiasan Dalaman Asas <i>Kertas 1</i> 7403/1 Produksi Multimedia <i>Kertas 1</i> 7404/1 Grafik Berkomputer <i>Kertas 1</i>	Calon hendaklah membawa sendiri pensel warna.

Penggunaan Kalkulator	Calon dibenarkan menggunakan kalkulator bagi Kertas Peperiksaan yang berkenaan.
-----------------------	---

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2020**  
**6 JANUARI HINGGA 9 FEBRUARI 2021**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	ARAHAH KHAS
	Calon Hadir	*Arahan Ketua Pengawas Peperiksaan	PEPERIKSAAN			
<b>RABU 6 Januari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 10.15 pagi 2 jam 15 minit	1103/1	Bahasa Melayu <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 4.30 petang 2 jam 30 minit	1103/2	Bahasa Melayu <i>Kertas 2</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
<b>KHAMIS 7 Januari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.45 pagi 1 jam 45 minit	1119/1	Bahasa Inggeris <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
	10.15 pagi	10.20 pagi	10.30 pagi - 12.45 tengah hari 2 jam 15 minit	1119/2	Bahasa Inggeris <i>Kertas 2</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
<b>ISNIN 11 Januari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	1449/1	Mathematics (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
	9.45 pagi	9.50 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari 2 jam 30 minit	1449/2	Mathematics <i>Kertas 2</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 4.30 petang 2 jam 30 minit	5227/1 5303/1 9221	Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah <i>Kertas 1</i>  Turath Al-Quran dan Al-Sunnah <i>Kertas 1</i>  <i>Bible Knowledge</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
<b>SELASA 12 Januari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.00 pagi 1 jam	1249/1	Sejarah (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
	9.45 pagi	9.50 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari 2 jam 30 minit	1249/2	Sejarah <i>Kertas 2</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan dan Buku Jawapan</i>
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 3.15 petang 1 jam 15 minit	2611/1	Pendidikan Seni Visual - Teori Seni (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
<b>RABU 13 Januari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 11.00 pagi 3 jam	2611/2	Pendidikan Seni Visual - Seni Halus <i>Kertas 2</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada Kertas Lukisan</i>
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 5.00 petang 3 jam	1249/3	Sejarah <i>Kertas 3</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2020**  
**6 JANUARI HINGGA 9 FEBRUARI 2021**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	ARAHAH KHAS
	Calon Hadir	*Arahan Ketua Pengawas Peperiksaan	PEPERIKSAAN			
<b>ISNIN 18 Januari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 10.00 pagi 2 jam	3472/1	Additional Mathematics Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 4.30 petang 2 jam 30 minit	3472/2	Additional Mathematics Kertas 2	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
<b>SELASA 19 Januari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 10.00 pagi 2 jam	1223/1	Pendidikan Islam Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada Helaian Jawapan dalam Kertas Peperiksaan dan Helaian Tambahan</i>
			8.00 pagi - 10.15 pagi 2 jam 15 minit	5402/1	Al-Syariah Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
			8.00 pagi - 10.30 pagi 2 jam 30 minit	1225/1	Pendidikan Moral Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
				5228/2	Pendidikan Syariah Islamiah Kertas 2	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
				5304/1	Turath Dirasat Islamiah Kertas 1	
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 3.15 petang 1 jam 15 minit	5228/1	Pendidikan Syariah Islamiah (Aneka Pilihan) Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
			2.00 petang - 3.40 petang 1 jam 40 minit	1223/2	Pendidikan Islam Kertas 2	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
<b>RABU 20 Januari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	1511/1	Science (Aneka Pilihan) Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
				4531/1	Physics (Aneka Pilihan) Kertas 1	
	9.45 pagi	9.50 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari 2 jam 30 minit	1511/2	Science Kertas 2	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan dan Helaian Tambahan</i>
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari		4531/2	Physics Kertas 2	
			2.00 petang - 3.30 petang 1 jam 30 minit	4531/3	Physics (Amali Bertulis) Kertas 3	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan dan Helaian Tambahan</i>
<b>KHAMIS 21 Januari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	3756/1	Prinsip Perakaunan (Aneka Pilihan) Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
	9.45 pagi	9.50 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari 2 jam 30 minit	3756/2	Prinsip Perakaunan Kertas 2	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada Helaian Tambahan, Lejar, Jurnal dan Buku Tunai Tiga Ruangan</i>
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 4.15 petang 2 jam 15 minit	5405	Al-Adab wa al-Balaghah	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
			2.00 petang - 4.30 petang 2 jam 30 minit	3756/4	Prinsip Perakaunan Kertas 4	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada Jurnal, Lejar dan Buku Tunai dan Helaian Tambahan dalam Kertas Peperiksaan</i>

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2020**  
**6 JANUARI HINGGA 9 FEBRUARI 2021**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	ARAHAH KHAS
	Calon Hadir	*Arahan Ketua Pengawas Peperiksaan	PEPERIKSAAN			
<b>ISMIN 25 Januari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	4541/1	<i>Chemistry</i> (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
				4561/1	<i>Additional Science</i> (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	
	9.45 pagi	9.50 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari 2 jam 30 minit	4541/2	<i>Chemistry</i> <i>Kertas 2</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan dan Helaian Tambahan</i>
				4561/2	<i>Additional Science</i> <i>Kertas 2</i>	
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 3.30 petang 1 jam 30 minit	4541/3	<i>Chemistry</i> (Amali Bertulis) <i>Kertas 3</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan dan Helaian Tambahan</i>
				4561/3	<i>Additional Science</i> (Amali Bertulis) <i>Kertas 3</i>	
<b>SELASA 26 Januari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	2361/1	Bahasa Arab <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
			8.00 pagi - 9.45 pagi 1 jam 45 minit	6351/1	Bahasa Cina <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
				6354/1	Bahasa Tamil <i>Kertas 1</i>	
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 4.15 petang 2 jam 15 minit	5403/1	Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan dan Helaian Tambahan</i>
				6351/2	Bahasa Cina <i>Kertas 2</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
				6354/2	Bahasa Tamil <i>Kertas 2</i>	
			2.00 petang - 4.30 petang 2 jam 30 minit	5305/1	Turath Bahasa Arab <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
				2361/2	Bahasa Arab <i>Kertas 2</i>	
				6356	Bahasa Iban	
				6357	Bahasa Kadazandusun	

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2020**  
**6 JANUARI HINGGA 9 FEBRUARI 2021**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	ARAHAH KHAS
	Calon Hadir	*Arahan Ketua Pengawas Peperiksaan	PEPERIKSAAN			
<b>RABU 27 Januari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	3766/1	Perniagaan (Aneka Pilihan) Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
				4551/1	Biology (Aneka Pilihan) Kertas 1	
	9.45 pagi	9.50 pagi	10.00 pagi - 12.15 tengah hari 2 jam 15 minit	3766/2	Perniagaan Kertas 2	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
			10.00 pagi - 12.30 tengah hari 2 jam 30 minit	4551/2	Biology Kertas 2	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan dan Helaian Tambahan</i>
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 3.30 petang 1 jam 30 minit	4551/3	Biology (Amali Berbilis) Kertas 3	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan dan Helaian Tambahan</i>
			2.00 petang - 4.30 petang 2 jam 30 minit	3766/4	Perniagaan Kertas 4	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan dan Helaian Tambahan</i>
<b>SELASA 2 Februari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	3754/1	Pengajian Keusahawanan (Aneka Pilihan) Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
				4572/1	Sains Sukan (Aneka Pilihan) Kertas 1	
			8.00 pagi - 9.30 pagi 1 jam 30 minit	3760/1	Pengajian Kejuruteraan Mekanikal Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
				3761/1	Pengajian Kejuruteraan Awam Kertas 1	
				3762/1	Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Kertas 1	
	10.00 pagi	10.05 pagi	10.15 pagi - 12.45 tengah hari 2 jam 30 minit	2621/1	Pendidikan Muzik Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
				3763/1	Reka Cipta Kertas 1	
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 4.00 petang 2 jam	3754/2	Pengajian Keusahawanan Kertas 2	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
			2.00 petang - 4.30 petang 2 jam 30 minit	3768/1	Asas Kelestarian Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan dan Helaian Tambahan</i>
				4572/2	Sains Sukan Kertas 2	
				3760/2	Pengajian Kejuruteraan Mekanikal Kertas 2	
				3761/2	Pengajian Kejuruteraan Awam Kertas 2	
				3762/2	Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Kertas 2	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2020**  
**6 JANUARI HINGGA 9 FEBRUARI 2021**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	ARAHAH KHAS
	Calon Hadir	*Arahan Ketua Pengawas Peperiksaan	PEPERIKSAAN			
<b>RABU</b> <b>3 Februari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.30 pagi 1 jam 30 minit	5302/2	Maharat al-Quran Kertas 2	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
			8.00 pagi - 10.30 pagi 2 jam 30 minit	2205	<i>Literature in English</i>	
				2215	Kesusasteraan Melayu	
				9216	Kesusasteraan Cina	
				9217	Kesusasteraan Tamil	
	11.00 pagi	11.05 pagi	11.15 pagi - 12.30 tengah hari 1 jam 15 minit	2280/1	Geografi (Aneka Pilihan) Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
<b>KHAMIS</b> <b>4 Februari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 10.30 pagi 2 jam 30 minit	3759/1	Lukisan Kejuruteraan Kertas 1	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
				3771/1	Grafik Komunikasi Teknikal Kertas 1	
				7101/1	Pembinaan Domestik Kertas 1	
				7102/1	Membuat Perabot Kertas 1	
				7103/1	Kerja Paip Domestik Kertas 1	
				7104/1	Pendawaian Domestik Kertas 1	
				7105/1	Kimpalan Arka dan Gas Kertas 1	
				7106/1	Menservis Automobil Kertas 1	
				7107/1	Menservis Motosikal Kertas 1	
				7108/1	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara Kertas 1	
				7109/1	Menservis Peralatan Elektrik Domestik Kertas 1	
				7201/1	Rekaan dan Jahitan Pakaian Kertas 1	
				7202/1	Katering dan Penyajian Kertas 1	
				7203/1	Pemprosesan Makanan Kertas 1	
				7204/1	Penjagaan Muka dan Dandanan Rambut Kertas 1	

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2020**  
**6 JANUARI HINGGA 9 FEBRUARI 2021**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	ARAHAH KHAS
	Calon Hadir	*Arahan Ketua Pengawas Peperiksaan	PEPERIKSAAN			
<b>KHAMIS 4 Februari 2021</b>	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 10.30 pagi 2 jam 30 minit	7205/1	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
				7206/1	Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik <i>Kertas 1</i>	
				7301/1	Landskap dan Nurseri <i>Kertas 1</i>	
				7302/1	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi <i>Kertas 1</i>	
				7303/1	Tanaman Makanan <i>Kertas 1</i>	
				7401/1	Seni Reka Tanda <i>Kertas 1</i>	
				7402/1	Hiasan Dalaman Asas <i>Kertas 1</i>	
				7403/1	Produksi Multimedia <i>Kertas 1</i>	
				7404/1	Grafik Berkomputer <i>Kertas 1</i>	
	11.05 pagi	11.10 pagi	11.15 pagi - 12.15 tengah hari 1 jam	6355/2	<i>English for Science and Technology</i> (Aneka Pilihan) <i>Kertas 2</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
<b>ISNIN 8 Februari 2021</b>	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 3.15 petang 1 jam 15 minit	6355/1	<i>English for Science and Technology</i> <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
			2.00 petang - 4.15 petang 2 jam 15 minit	5401/1	Usul al-Din <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
			2.00 petang - 4.30 petang 2 jam 30 minit	3769/1	Sains Rumah Tangga <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	3767/1	Ekonomi (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
			10.00 pagi - 12.15 tengah hari 2 jam 15 minit	3767/2	Ekonomi <i>Kertas 2</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
<b>SELASA 9 Februari 2021</b>	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 4.15 petang 2 jam 15 minit	5404	Manahij al-'Ulum al-Islamiah	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
			2.00 petang - 4.30 petang 2 jam 30 minit	3729/1	Pertanian <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan dan Helaian Tambahan</i>
			2.00 petang - 5.00 petang 3 jam	9378	Bahasa Punjabi	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi 1 jam 15 minit	5226/1	Tasawwur Islam <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
	9.45 pagi	9.50 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari 2 jam 30 minit	5226/2	Tasawwur Islam <i>Kertas 2</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Buku Jawapan</i>
	1.45 tengah hari	1.50 tengah hari	2.00 petang - 4.30 petang 2 jam 30 minit	3770/1	Sains Komputer <i>Kertas 1</i>	<i>Ketua Pengawas Peperiksaan mengarahkan calon mengisi butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan dan Helaian Tambahan</i>

## **JADUAL MASA TAMBAHAN CALON BERKEPERLUAN KHAS**

Masa tambahan yang diperuntukkan ini adalah untuk semua jenis Kertas Peperiksaan. Terdapat dua kategori masa tambahan bagi calon berkeperluan khas iaitu Kategori A dan Kategori B.

**Kategori A: Calon Masalah Pembelajaran, Kurang Upaya Penglihatan (Buta), Kurang Upaya Penglihatan (Rabun), Kurang Upaya Pelbagai dan Kurang Upaya Fizikal.**

1. Calon kemalangan yang layak mendapat masa tambahan ialah calon yang tidak boleh menulis dengan tangan yang biasa digunakan untuk menulis.
2. Kecederaan lain boleh diberi pertimbangan atas nasihat Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri (u.p.: Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan)

<b>Bil.</b>	<b>Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan</b>	<b>Masa tambahan yang diberi</b>
1	1 jam atau kurang hingga 1 jam 30 minit	30 minit
2	Lebih 1 jam 30 minit hingga 2 jam 30 minit	1 jam
3	Lebih 2 jam 30 minit	1 jam 30 minit

**Kategori B: Calon Kurang Upaya Pendengaran/Kurang Upaya Pertuturan**

<b>Bil.</b>	<b>Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan</b>	<b>Masa tambahan yang diberi</b>
1	1 jam	15 minit
2	1 jam 15 minit	20 minit
3	1 jam 30 minit	25 minit
4	1 jam 45 minit	30 minit
5	2 jam	30 minit
6	2 jam 15 minit	35 minit
7	2 jam 30 minit	40 minit
8	3 jam	45 minit

## AMARAN PEPERIKSAAN/PENTAKSIRAN

Calon yang menduduki peperiksaan di dewan/bilik peperiksaan dilarang:

1. membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Peperiksaan, Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan, telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam dewan/bilik peperiksaan kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
2. menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di dewan/bilik peperiksaan.
3. mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
4. memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
5. menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
6. menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
7. menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
8. membuat rujukan di luar dewan/bilik peperiksaan semasa peperiksaan.
9. membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan keluar dari dewan/bilik peperiksaan.

Calon yang tidak mematahi **Amaran Peperiksaan/Pentaksiran** dianggap telah melakukan salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertiannya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut:-

1. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
2. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
3. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisyiharkan terbatal.

### LEMBAGA PEPERIKSAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

#### BORANG PENGAKUAN CALON

<b>1. NAMA CALON</b>		
<b>2. ANGKA GILIRAN</b>		
<b>3. NOMBOR KAD PENGENALAN</b>		
<b>4. PEPERIKSAAN</b>		<b>TAHUN</b>
<b>5. PENGAKUAN CALON</b>		
Saya mengaku telah membaca dan akan mematuhi semua <b>Amaran Peperiksaan/Pentaksiran</b> seperti yang dinyatakan di atas.		
Tandatangan: .....		Tarikh: .....
<b>6. PENGESAHAN GURU BESAR/PENGETUA/PEGAWAI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI</b>		
Tandatangan: .....		Tarikh: .....

**NOTA:** Borang Pengakuan Calon yang telah dilengkapkan hendaklah diserahkan kepada Guru Besar/Pengetua bagi calon sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri bagi calon persendirian. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri/sekolah/institut hendaklah menyimpan Borang Pengakuan Calon sehingga enam bulan selepas tarikh pengumuman keputusan peperiksaan.